

PRU-13: Najib akan pertahan kerusi Parlimen Pekan

Utusan Online

04 April, 2013

KUALA LUMPUR 4 April - Datuk Seri Najib Tun Razak tidak akan sesekali meninggalkan kawasan Parlimen tradisi beliau iaitu Pekan, berbeza dengan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang lari dari Permatang Pauh pada pilihan raya umum kali ini.

Menurut Perdana Menteri, tindakan Anwar itu menunjukkan ketua pembangkang tersebut sudah hilang keyakinan untuk mempertahankan kerusi tradisinya, sekali gus melambangkan beliau sanggup meninggalkan para penyokong tempatan yang selama ini membantunya.

"Saya tidak pernah terfikir langsung untuk meninggalkan Pekan, itulah kawasan hidup dan mati saya, secara politiknya," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan Dewan Tertinggi Barisan Nasional di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130404/px_45/PRU-13-Najib-akan-pertahan-kerusi-Parlimen-Pekan